

Bank perlu bantu perniagaan skala kecil Utusan Online Jun 19, 2011

PUTRAJAYA 18 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan agar kerajaan memastikan bank-bank besar menyediakan skim pembiayaan mikro untuk perniagaan berskala kecil tempatan.

Menurutnya, ini kerana kelompok perniagaan tersebut turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

"Bank-bank besar perlu mengambil kira keperluan kumpulan-kumpulan perniagaan berskala kecil dengan mengambil sikap lebih fleksibel dan memberi pertimbangan wajar dalam menawarkan pembiayaan sedemikian rupa kepada komuniti.

"Masalah dengan bank-bank besar ini adalah mereka hanya berminat untuk pinjamkan wang yang banyak kepada perniagaan-perniagaan besar. Namun apabila perniagaan kecil hendak pinjam wang, mereka tidak berminat kerana keuntungannya yang kecil," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Afrika di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga mungkin boleh mewujudkan sekelompok bank-bank yang bersaiz kecil dalam usaha mengembangkan perniagaan kumpulan peniaga itu.

"Saya sedar kita perlukan bank-bank kecil. Mereka tidak dapat membiayai projek berjuta-juta ringgit, tetapi mereka pasti akan berminat memberikan pinjaman kecil," katanya.

Malah, beliau berkata, langkah membantu komuniti perniagaan tersebut pastinya akan memberi keuntungan kepada kerajaan.

"Kerajaan tidak perlu menyediakan sebarang modal. Apabila perniagaan mendapat untung, sekurang-kurangnya 26 peratus daripada keuntungan itu untuk kerajaan menerusi cukai," katanya.



Dr. Mahathir Mohamad bersalaman dengan para peserta semasa menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Afrika (MABF) sempena Dialog Antarabangsa Langkawi 2011 (LID) kali kesembilan di Putrajaya, semalam.